



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PENIAGA RESTORAN MAKANAN TERSOHOR DIDENDA RM24,000.00 KERANA GAGAL MENGEMUKAKAN PENYATA CUKAI INDIVIDU DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Georgetown, 6 Mac 2018 – Seorang peniaga restoran makanan tersohor didenda RM24,000.00 atas kegagalan mengemukakan penyata cukai dalam Borang B (Individu berpendapatan punca perniagaan) di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967).

Abdul Wahab bin ES Mohamed Hanifa, 54 tahun yang juga merupakan pengarah syarikat Restoran Kapitan Sdn Bhd didapati gagal mengemukakan Borang B untuk Tahun Taksiran 2012 sehingga 2015 berdasarkan hasil penemuan siasatan yang dijalankan.

Tertuduh menghadapi 2 pertuduhan di bawah seksyen 77(1) dan seksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang membawa kepada hukuman denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali. Tertuduh turut menghadapi 2 lagi pertuduhan di bawah seksyen 78 dan seksyen 120(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana jika disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tertuduh telah mengaku salah atas semua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Puan Qasiratul Jannah Usmani binti Othman pada hari ini dan mahkamah menjatuhkan hukuman denda maksimum sebanyak RM2,000.00 bagi setiap pertuduhan untuk Tahun Taksiran 2012 dan 2013. Sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda tersebut, hukuman 3 bulan penjara akan dikenakan atas setiap pertuduhan. Manakala

untuk pertuduhan di bawah seksyen 78 dan seksyen 120(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 Tahun Taksiran 2014 dan 2015, tertuduh telah didenda sebanyak RM10,000.00 bagi setiap pertuduhan. Sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda tersebut, hukuman 3 bulan penjara akan dikenakan atas setiap pertuduhan.

Terdahulu, kes telah ditetapkan untuk perbicaraan pada hari ini di mana 5 orang saksi pihak pendakwaan telah hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan. Walau bagaimanapun, tertuduh telah menukar pengakuan kepadaakuan bersalah.

Pendakwaan dikendalikan oleh pegawai pendakwa LHDNM Mohd Shafuddin bin Hasan dan Muhammad Aiman bin Abdullah dan tertuduh telah diwakili oleh peguam P. Subramanian.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 6 Mac 2018